



# DO'S AND DON'TS

edisi 1.2011

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

JKR 20300-056-11

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Alhamdulillah hirrabbil'amin, bersyukur kehadiran Ilahi dengan limpah kurnia-Nya penerbitan *Do's and Don'ts* dapat disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan dan merealisasikan penerbitan *Do's and Don'ts* ini. Semoga ianya menjadi rujukan dan panduan kepada kakitangan di Jabatan Kerja Raya khasnya dan pihak perunding dan kontraktor amnya, semasa melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan terutamanya dalam memperkasakan proses kerja dan memperbaiki kualiti pembinaan dan pemasangan untuk mencapai tahap perkhidmatan terbaik yang menepati kualiti, masa dan kos yang telah ditetapkan.

Adalah diharapkan agar penerbitan *Do's and Don'ts* ini akan menjadikan Jabatan Kerja Raya sentiasa relevan dalam meningkatkan lagi kualiti bagi kerja-kerja pembinaan dan pemasangan di tapak projek selari dengan Visi Jabatan iaitu *"Menjadi pemberi perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan kejuruteraan"*.

Wassalam.

Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim  
Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia

Dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti semasa melaksanakan kerja-kerja pembinaan projek kerajaan, pelbagai aspek perlu dititik beratkan oleh semua bahagian yang terlibat sejak di peringkat perancangan lagi. Koordinasi di antara semua bahagian amat diperlukan dalam memastikan projek berjalan lancar serta menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, segala permasalahan yang dihadapi dalam proses penyeliaan projek perlulah diambil perhatian serius bagi memastikan kualiti projek sentiasa menepati amalan kejuruteraan yang telah ditetapkan dan memenuhi kehendak pelanggan. Jabatan Kerja Raya sebagai agensi pelaksana projek kerajaan, perlu melakukan penambahbaikan bagi memastikan masalah-masalah yang terjadi tidak berulang.

Semoga dengan terhasilnya penerbitan *Do's and Don'ts* ini, ianya dapat dijadikan salah satu sumber rujukan dan panduan dalam membantu menyelesaikan masalah-masalah di tapak pembinaan pada masa akan datang.



## OBJEKTIF

Secara umumnya, penerbitan *Do's and Don'ts* ini adalah bertujuan untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada kakitangan Jabatan Kerja Raya yang terlibat dalam penyeliaan projek di tapak pembinaan bagi memastikan pembinaan dan pemasangan yang dilakukan di tapak pembinaan mengikut amalan kejuruteraan yang terbaik sejajar dengan visi dan misi Jabatan Kerja Raya.

Di dalam memberi pendedahan terhadap ketidakpatuhan yang lazim ditemui dan berkongsi amalan kejuruteraan, ianya juga boleh dijadikan iktibar supaya kesilapan-kesilapan yang sama tidak akan berulang pada projek yang akan datang dan sebagai proses penambahbaikan yang berterusan.

ISI KANDUNGAN

|               |            |                                                 |           |      |
|---------------|------------|-------------------------------------------------|-----------|------|
| PERUTUSAN     | I - II     | KERJA ARKITEK                                   | 01 - 36   | A    |
| PENGENALAN    | III - IV   | KERJA ALAM SEKITAR & TENAGA                     | 37 - 70   | AST  |
| OBJEKTIF      | V          |                                                 |           |      |
| ISI KANDUNGAN | VII - VIII | KERJA KEJURUTERAAN AWAM,<br>STRUKTUR & JAMBATAN | 71 - 94   | KASJ |
|               |            | KERJA KEJURUTERAAN CERUN                        | 95 - 134  | KC   |
|               |            | KERJA ELEKTRIK                                  | 135 - 198 | E    |
|               |            | KERJA KEJURUTERAAN JALAN<br>& GEOTEKNIK         | 199 - 248 | KJG  |
|               |            | KERJA KEJURUTERAAN MEKANIKAL                    | 249 - 302 | KM   |
|               |            | KERJA KONTRAK & UKUR BAHAN                      | 303 - 314 | KUB  |
|               |            | KERJA SENGGARA                                  | 315 - 348 | KS   |
|               |            | PENGHARGAAN                                     | 349 - 350 |      |



**KERJA ARKITEK**

## ANJUNG BANGUNAN

## DO'S

- Cucur atap mengalirkan air ke tepi bumbung.
- Laluan masuk bawah bumbung yang jauh dari tempas hujan.



## DON'TS

- Cucur atap menurun ke arah dinding.
- Dinding akan menjadi kotor dan berlumut kerana air hujan.



## KEMASAN BUMBUNG

## DO'S

- Tupang dipasang selari dengan kekuda.
- Tupang berfungsi sebagai struktur dan juga aestetik.



## DON'TS

- Kayu tupang bumbung dipasang tidak mengikut piawaian pemasangan.
- Kayu tupang tidak selari dengan kekuda.



## LALUAN AIR

## DO'S

- Sediakan *scupper drain* dan perangkat lantai pada ruang anjung yang terbuka.



## DON'TS

- Anjung tidak dilengkapi dengan perangkat lantai tetapi hanya dibina bukaan laluan air.
- Keadaan ini boleh menyebabkan lelehan pada dinding bahagian luar bangunan dan boleh mencacatkan pemandangan luar fasad bangunan.



## SOFFIT BUMBUNG

## DO'S

- Pemasangan *soffit* yang kemas pada cucur atap.
- Bangunan yang menggunakan penyaman udara – dapat mencegah pertumbuhan kulat pada dinding dalaman.



## DON'TS

- Tiada *soffit* di antara dinding dan bumbung.
- Angin panas yang lalu di atas siling akan menyebabkan kulat tumbuh pada dinding dalam bangunan.





**CURTAIN WALL****DO'S**

- *Curtain wall* dipasang rapi dan kemas.
- Sebarang ruang antara lantai dan *curtain wall* ditutup kemas dengan rangka yang bertindak sebagai pengantarnya dan juga sebagai *upstand*.

**DON'TS**

- Jarak yang renggang antara lantai dan *curtain wall* boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna dan juga bangunan terutamanya semasa kebakaran.

**FLASHING****DO'S**

- *Flashing* dipasang kemas mengikut profil bumbung.
- Bahagian atas *flashing* dibengkok ke atas dan ditanam ke dalam dinding untuk mengelakkan air masuk ke dalam bangunan.

**DON'TS**

- *Flashing* tidak dipasang kemas mengikut profil permukaan.
- Cantuman yang tidak kemas pada bucu *flashing* boleh menyebabkan pengaliran air yang tidak dikehendaki.



## TINGKAP KACA

## DO'S

- Tingkap kaca yang dilindungi semasa kerja melepai dinding.
- Tidak perlu menambah masa kerja untuk membersihkan tingkap selepas pembinaan siap.



## DON'TS

- Cermin kaca yang tidak dilindungi semasa melepai simen.
- Kaca tingkap yang kotor sukar dibersihkan.



## BLOK KONKRIT

## DO'S

- Penggunaan saiz blok konkrit mestilah seragam.
- Ketebalan lepa simen pada blok yang seragam.



## DON'TS

- Penggunaan blok konkrit yang tidak seragam saiznya.
- Lepas simen pada blok tidak kemas.



## BUCU TIANG

## DO'S

- Bucu tiang dipasang kumai supaya bucu boleh lurus.
- Bucu tiang yang lurus menghasilkan binaan yang kemas dan cantik.



## DON'TS

- Bucu tiang yang bengkok dan terkeluar dari garis lurus.
- Pastikan keadaan bucu lurus sebelum kerja diteruskan.



## ANAK TANGGA

## DO'S

- Anak tangga yang seragam saiznya.
- Tinggi dan lebar jejak yang mengikut piawaian.



## DON'TS


- Ketinggian anak tangga yang tidak seragam.
- Tidak mengambil kira ketinggian lantai dalam merekabentuk tangga.



## ANAK TANGGA

## DO'S

- Anak tangga perlu mengikut piawaian yang ditetapkan dengan jejak min 250mm dan tetingkat 165 mm.



## DON'TS

- Kelebaran anak tangga yang tidak mengikut rekabentuk dan spesifikasi.
- Anak tangga tidak cukup lebar untuk tapak kaki.



## TANGGA

## DO'S

- Susur tangan dipasang menutup rongga sepenuhnya.



## DON'TS

- Susur tangan dipasang tidak menutup lubang tangga.



## TANGGA

### DO'S

- Rekabentuk tangga yang mengikut piawaian.
- Lebar tangga tidak melangkaui alang konkrit.



### DON'TS

- Lebar tangga yang termasuk dibawah alang konkrit.
- Rekabentuk yang tidak mengikut piawaian yang sepatutnya.



## TANGGA

### DO'S

- Ruang di antara susur tangan dan lantai adalah bersesuaian bagi menjamin keselamatan pengguna.



### DON'TS

- Ruang di antara susur tangan dan lantai adalah besar dan tidak selamat.





## LANDING TANGGA

## DO'S

- *Landing* tangga mestilah cukup lebar dan menepati undang-undang bangunan.



## DON'TS

- Ruang *landing* yang direkabentuk terlalu sempit dan tidak mematuhi undang-undang bangunan mendatangkan bahaya kepada pengguna.



## PAIP PENGUDARAAN

## DO'S

- Paip pengudaraan dipasang dengan cara yang betul.
- Hujung paip pengudaraan menggunakan penutup yang dikhaskan.



## DON'TS

- Paip pengudaraan yang dipasang tidak mengikut norma mencacatkan rekabentuk bangunan.



## PERANGKAP LANTAI

## DO'S

- Kedudukan perangkat lantai mesti dirancang pada tempat yang sesuai.
- Mudah di senggara dan senang digunakan.



## DON'TS

- Kedudukan perangkat lantai terletak bawah kambi dinding.
- Lubang perangkat tidak boleh ditutup kerana kedudukan yang salah.



## PAIP BUANGAN

## DO'S

- Paip buangan bawah siling diintegrasikan dengan rekabentuk tandas menggunakan panel atau kekotak.



## DON'TS

- Sistem paip buangan yang terdedah di siling tandas mencacatkan ruang dalam tandas.



## LOCENG KECEMASAN

## DO'S

- Pendawaian bagi sistem pencegah kebakaran ditanam dalam lepa simen.
- Rekabentuk yang teratur dan kemas.



## DON'TS

- Konduit pendawaian yang terdedah mencatatkan rupa bentuk bangunan dan terdedah menjadikan ia kurang selamat.



## KONDUIT PANEL SUIS

## DO'S

- Panel loceng kebakaran yang ditanam dalam dinding tidak menjejaskan rupa bentuk hiasan dalaman bangunan.
- Konduit pendawaian disembunyikan dalam dinding.



## DON'TS

- Panel loceng kebakaran terletak dalam kawasan laluan utama kelihatan tidak kemas dan terdedah kepada perbuatan khianat.
- Konduit pendawaian dipasang secara terdedah dan kurang selamat.



## GEGELUNG HOS

## DO'S

- Gegendung hos diletakkan di dalam tempat khas.
- Lokasi mestilah ditempat yang sesuai dan di persetujui oleh PBT.



## DON'TS

- Gegendung hos diletakkan terlalu rendah.
- Gegendung dipasang menghalang laluan.



## KEMASAN PUNCA ELEKTRIK DI LANTAI

## DO'S

- Pemasangan kekotak *electrical point* yang begitu kemas hingga tidak ketara kedudukannya pada pandangan mata
- *Lining* yang nipis dan pemasangan karpet pada kekotak *electrical point* yang sama rata dengan karpet sekeliling yang dipasang di lantai



## DON'TS

- *Aluminium lining* yang tebal sekeliling *electrical point* yang mencatatkan pandangan mata.
- Pemasangan yang tidak kemas. Terdapat perbezaan aras antara *electrical point* dengan lantai karpet.



## LAMPU

## DO'S

- Kedudukan lampu ditengah-tengah ruang cahaya lampu tidak terhalang.
- Konduit ditanam dalam lantai konkrit.



## DON'TS

- Lampu diletakkan ditepi alang konkrit – cahaya terhalang.
- Konduit lampu terdedah pada siling.



## PENYAMAN UDARA

## DO'S

- Lokasi pemampat udara diambil kira semasa proses perancangan rekabentuk supaya dapat berintegrasi dengan keseluruhan bangunan.



## DON'TS

- Kekurangan ko-ordinasi dan perancangan awal dalam rekabentuk bangunan menyebabkan paip A/C dan pemampat udara terdedah dan lokasi yang tidak sesuai.
- Mencatatkan rupa bentuk *fasad* bangunan.





## ALUR DINDING

## DO'S

- Menggunakan alur plastik untuk membuat alur dinding yang lurus.
- Cara yang menghasilkan alur dinding yang kemas dan seragam.



## DON'TS

- Pembuatan alur dinding tidak kemas.
- Cara pembuatan alur dinding yang tidak mengikut spesifikasi.



## KACA DI KAUNTER

## DO'S

- Kaca yang dipasang pada kaunter mempunyai ketebalan yang bersesuaian.
- Rangka kaca pada jarak yang bersesuaian menjadikan ianya teguh, stabil dan tidak bergoyang.



## DON'TS

- Kaca yang dipasang pada kaunter mempunyai ketebalan yang terlalu nipis dan mudah pecah.
- Rangka kaca pada jarak yang jauh menjadikan ianya mudah bergoyang dan membahayakan.



## KELENGKAPAN TANDAS

## DO'S

- WC dipasang kemas dan melekap pada dinding tandas.



## DON'TS

- Terdapat ruang renggang di antara dinding dan wc.
- Mangkuk tandas tidak dapat dirapatkan ke dinding kerana kedudukan *upstand beam*.



## RUANG TANDAS

## DO'S

- Ruang peredaran mesti cukup luas.
- Gunakan sinki yang sesuai saiznya.
- Orientasi peralatan boleh diubahsuai mengikut keadaan ruang.



## DON'TS


- Ruang peredaran terlalu sempit untuk pengguna.
- Jarak antara sinki dengan dinding adalah terlalu dekat.



## RUANG TANDAS

## DO'S

- Guna jenis WC yang sesuai dengan ruang tandas.
- Buat sesalur paip pada saiz yang diperlukan untuk paip sahaja.



## DON'TS

- Ruang terlalu sempit untuk pengguna.
- Jarak antara *fitting* dengan dinding tidak diambil kira dalam rekabentuk ruang tandas.
- Orientasi pemasangan yang salah.



## TANDAS

## DO'S

- Rekabentuk yang mematuhi piawaian.
- Ruang yang luas dan peralatan yang mesra pengguna.



## DON'TS

- WC yang masih menggunakan tangki.
- Tangki air yang terdedah pada vandalisme dan mudah dirosakkan.



## PAIP AIR HUJAN

## DO'S

- Pemasangan paip air hujan menggunakan *adapter* yang betul
- Paip boleh dilaras pada lubang lantai konkrit yang menggunakan *adapter*.



## DON'TS

- Lantai konkrit perlu ditebuk untuk laluan paip.
- Pemasangan saluran paip tidak dirancang pada awal pembinaan.



## PENEBAT ALMINIUM

## DO'S

- Atap dipasang sebaik-baiknya selepas kerajang aluminium dipasang.
- Bahan yang digunakan dari kerajang aluminium yang bermutu.



## DON'TS

- Penebat aluminium terkoyak sebelum atap dipasang (bahan dari mutu yang rendah).
- Jarak masa lama antara pemasangan kerajang dengan memasang atap (hujan turun rosakkan kerajang).



## LALUAN PAIP

## DO'S

- Paip menggunakan *sleeve* yang dikhaskan dalam pemasangan.
- Lubang *sleeve* ditutup dengan *adapter* yang bersesuaian.



## DON'TS

- Pemasangan paip tidak mengikut piawaian.
- Tidak menggunakan *sleeve* pada lubang dinding.



## PENYOKONG PAIP

## DO'S

- Pemasangan paip yang sempurna menggunakan penyokong *nut* dan *bolt* serta plat besi.
- Penyangkuk ditanam ke dalam lantai konkrit.



## DON'TS

- Sokongan paip yang tidak mengikut spesifikasi pemasangan.
- Penggantungan paip dengan dawai adalah tidak sesuai.







**KERJA ALAM SEKITAR & TENAGA**

## KAWALAN HAKISAN DAN MENDAKAN

### DO'S

- Membina perangkap kelodak (*Silt trap*) yang sentiasa disenggara dan berfungsi dengan baik.



### DON'TS

- Membiarkan perangkap kelodak (*Silt trap*) dipenuhi kelodak dan ditumbuhi semak samun.



## KAWALAN HAKISAN DAN MENDAKAN

### DO'S

- Memasang pagar kelodak (*Silt Fence*) yang disenggara dengan baik semasa kerja-kerja tanah dijalankan di tapak projek.



### DON'TS

- Pagar kelodak (*Silt Fence*) yang rosak semasa kerja-kerja masih dijalankan di tapak projek.



## KAWALAN HAKISAN DAN MENDAKAN

### DO'S

- Pembinaan perangkap kelodak (*Silt trap*) yang lengkap dengan *Turfing Bund* di sekelilingnya.
- Tebing perangkap kelodak (*Silt Trap*) tersebut distabil menggunakan *Sand Filling Mattress*.



### DON'TS

- Membiarkan perangkap kelodak (*Silt trap*) dipenuhi kelodak dan mengalami hakisan tebing.



## KAWALAN HAKISAN DAN MENDAKAN

### DO'S

- Menanam rumput/*Hydroseeding* dengan segera bagi cerun yang telah mencapai *Formation Level*.



### DON'TS

- Membiarkan cerun terdedah tanpa sebarang langkah tebatan.



## KAWALAN HAKISAN DAN MENDAKAN

### DO'S

- Membina sistem perparitan sementara dan pagar kelodak (*Silt Fence*) di sekitar tapak projek.



### DON'TS

- Sistem perparitan sementara yang TIDAK sempurna di kawasan tapak projek menyebabkan air bebas mengalir di permukaan.



## KAWALAN HAKISAN DAN MENDAKAN

### DO'S

- *Silt Curtain* di sepanjang sistem saliran seperti tasik atau sungai membantu mengurangkan kelodak mencemari sepanjang saliran tersebut.



### DON'TS

- Air kelodak mengalir secara terus ke sistem saliran.





## KAWALAN HAKISAN DAN MENDAKAN

### DO'S

- Menutup permukaan cerun yang terdedah secara SEGERA dengan *Plastic Cover*.



### DON'TS

- Membiarkan permukaan cerun terdedah tanpa langkah-langkah tebatan.



## PENGURUSAN SISA BAHAN BUANGAN

### DO'S

- Menggunakan *Air Curtain Burner* bagi mengawal pembakaran *Biomass Disposal*.
- *Burner* perlulah mendapatkan lesen daripada pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri.



### DON'TS

- Membakar sisa bahan binaan secara terbuka dalam kawasan pembinaan.





## PENGURUSAN SISA BAHAN BUANGAN

### DO'S

- Sisa bahan buangan ditempatkan pada satu bekas yang besar dan dibuang keluar oleh kontraktor yang telah dilantik.



### DON'TS

- Membiarkan sisa bahan binaan berselerak dan tidak terurus.



## PENGURUSAN SISA BAHAN BUANGAN

### DO'S

- Membina / Menyediakan tandas lengkap dengan tangki septik dan bekalan air bersih mengikut keperluan SPAN (Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara).

Sentiasa disenggara dan *Regular Desludging* oleh kontraktor berlesen.



### DON'TS

- Membina/menyediakan tandas tiada tangki septik dan pembuangan sisa kumbahan secara terus ke dalam sistem saliran.



## PENGURUSAN BAHAN API (FUEL)

### DO'S

- Mesin diletakkan di atas tapak berkonkrit dilapisi dengan pasir bagi mengelakkan sisa minyak meresap ke tanah.



### DON'TS

- Mesin diletakkan secara terus di atas tanah.



## PENGURUSAN BAHAN API (FUEL)

### DO'S

- Membina *Skid Tank* yang dilengkapi dengan *Concrete Bund*, mempunyai tangki minyak diletakkan untuk *Nozzle* bagi mengelaksebarang kebocoran minyak dan cerun dilapisi *Fibromat* dan *Hydroseed* untuk mengurangkan hakisan.



### DON'TS

- Meletakkan *Skid Tank* secara terus di atas tanah dan berdekatan antara satu sama lain.



## PENGURUSAN BAHAN API (FUEL)

### DO'S

- Menyimpan minyak dan gris yang telah digunakan di dalam tong, menggunakan *metal tray* atau konkrit bagi mengelakkan minyak meresap ke tanah dan di label dengan betul.



### DON'TS

- Membiarkan tong-tong minyak dan gris terdedah kepada tanah.

\* Minyak dan gris dikategorikan sebagai sisa bahan berjadual yang mana perlu dikendalikan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.



## HOUSEKEEPING

### DO'S

- Menyediakan kawasan penyimpanan yang teratur bagi bahan-bahan pembinaan.



### DON'TS

- Membuang tayar-tayar terpakai ke dalam sistem saliran.





## HOUSEKEEPING

### DO'S

- Menyediakan rumah kongsi yang teratur dilengkapi bekalan air dan fasiliti sanitari. Contohnya: Kwarters buruh berpusat (*Centralized Labour Quarters*).



### DON'TS

- Membina / menyediakan rumah kongsi yang tidak teratur dan sampah sarap di buang di merata-rata tempat.



## KUALITI UDARA

### DO'S

- *Water Bowser* digunakan untuk mengawal debu di sekitar tapak pembinaan.



### DON'TS

- Pembinaan jajaran jalan berdebu mencemarkan udara.



## PENJIMATAN TANPA KOS

### DO'S

- Menutup pintu di antara ruang berpenghawa dingin dengan ruang tidak berpenghawa dingin semasa penghawa dingin sedang beroperasi.



### DON'TS

- Membuka tingkap semasa penghawa dingin sedang beroperasi.



## PENJIMATAN TANPA KOS

### DO'S

- Menggunakan sepenuhnya pencahayaan semulajadi (tanpa silau) dengan menutup suis lampu.



### DON'TS

- Menghidupkan lampu di kawasan yang menerima pencahayaan semulajadi yang mencukupi mengikut keperluan.





## PENJIMATAN TANPA KOS

### DO'S

- Menetapkan komputer pada mod *sleep/hibernation* bila tidak digunakan.



### DON'TS

- Tidak menetapkan komputer pada mod *sleep/hibernation* bila tidak digunakan.



## PENJIMATAN TANPA KOS

### DO'S

- Menutup suis peralatan pejabat ketika hendak pulang.

Suis telah dimatikan



Suis dibiarkan hidup




### DON'TS

- Tidak menutup suis bagi peralatan pejabat yang digunakan secara bersama sebelum pulang.

## PENJIMATAN TANPA KOS

### DO'S

- Menutup lampu ketika meninggalkan bilik atau ketika tidak digunakan.



### DON'TS

- Tidak menutup lampu ketika meninggalkan bilik atau ketika tidak digunakan.




## PENJIMATAN TANPA KOS

### DO'S

- Merekabentuk kedudukan suis lampu pada keadaan berikut :

- Bagi pintu yang dibuka dengan tangan kiri, suisnya diletakkan pada kedudukan tangan kanan.
- Bagi pintu yang dibuka dengan tangan kanan, suisnya diletakkan pada kedudukan tangan kiri.



### DON'TS

- Merekabentuk kedudukan suis lampu pada keadaan berikut :

- Bagi pintu yang dibuka dengan tangan kiri, suisnya diletakkan pada kedudukan tangan kiri.
- Bagi pintu yang dibuka dengan tangan kanan, suisnya diletakkan pada kedudukan tangan kanan.



## PENJIMATAN TANPA KOS

### DO'S

- Memastikan lampu dan aksesori sentiasa dibersihkan bagi memastikan kecerahan dapat diterima sepenuhnya.



### DON'TS


- Membiarkan lampu dan aksesori berhabuk.



## PENJIMATAN KOS RENDAH

### DO'S

- Membuat pendawaian lampu secara zon mengikut panjang fasad bangunan.



### DON'TS

- Tidak membuat pendawaian lampu secara zon mengikut panjang fasad bangunan.

\* Tidak menutup lampu pada jarak yang menerima pencahayaan semulajadi mencukupi walaupun pendawaian lampu secara zon telah dibuat.



## PENJIMATAN KOS RENDAH

### DO'S

- Memasang *weekly timer* bagi peralatan pejabat yang digunakan 24 jam atau *timer* bagi peralatan yang digunakan secara bersama.

\* Penggunaan timer membolehkan peralatan pejabat dihidupkan dan dimatikan secara automatik mengikut keperluan.



### DON'TS

- Membiarkan peralatan elektrik sentiasa hidup walaupun tidak digunakan seperti pada luar waktu pejabat atau hujung minggu.



## PENJIMATAN KOS SEDERHANA

### DO'S

- Menggantikan lampu jenis T8 yang tempoh hayat telah tamat dengan lampu jenis T5 yang lebih efisien.



### DON'TS

- Tidak menukar lampu *incandescent* dengan lampu *fluorescent* yang lebih efisien.



## PENJIMATAN KOS SEDERHANA

### DO'S

- Memasang *Occupancy Sensor* di kawasan yang tiada penghuni dan *Daylight Sensor* di kawasan yang menerima pencahayaan semula jadi.



### DON'TS

- Membiarkan lampu hidup di kawasan yang tiada penghuni dan di kawasan yang menerima pencahayaan semula jadi.



## PENJIMATAN KOS SEDERHANA

### DO'S

- Menggunakan *CO2 Sensor* untuk mengawal kemasukan *Fresh Air* di AHU.



### DON'TS

- Tidak menggunakan *CO2 Sensor* untuk mengawal kemasukan *Fresh Air* di AHU.





## PENJIMATAN KOS TINGGI

### DO'S

- Menggantikan kipas AHU yang lama (*efficiency* ~ 40%) dengan AHU *Air Foil Fans* (*efficiency* ~ 80%) mengikut kesesuaian ruang AHU.



### DON'TS


- Tidak menggunakan AHU *Electronic Filter* (50% penjimatan tenaga oleh AHU) pada sistem VAV (*Variable Air Volume*).



## PENJIMATAN KOS TINGGI


### DO'S

- Memasang *Sponge Ball Condenser Cleaner* pada *Cooling Water System*.



### DON'TS

- Tidak memasang *Sponge Ball Condenser Cleaner* pada *Cooling Water System*.



## PENJIMATAN KOS TINGGI

### DO'S

- Menukar *Chiller* lama lebih dari 10 tahun (COP 3.5 - 5.5) yang sediaada kepada *Chiller* dengan COP 6.0 – 6.8.

\* COP (*Coefficient of Performance*)

- Nombor yang lebih besar adalah lebih efisien.



### DON'TS

- Tidak menggunakan *Variable Flow Pumps* pada *Chiller* untuk mengawal kelajuan pam mengikut keperluan .



## PENJIMATAN KOS TINGGI

### DO'S

- Mengaplikasikan *Building Management System* (BMS) untuk memantau dan mengawal penggunaan tenaga di bangunan besar.

\* Gambar menunjukkan paparan skrin komputer di bilik BMS yang dapat menunjukkan bacaan KWh bagi setiap pecahan tenaga.



### DON'TS

- Tidak mengaplikasikan *Building Management System* (BMS) untuk memantau dan mengawal penggunaan tenaga di bangunan besar.





KERJA KEJURUTERAAN AWAM , STRUKTUR & JAMBATAN

## PENCACATAN BENTUK *BEARING* (DEFORMATION)

### DO'S

- Pastikan bentuk *bearing* kekal seperti asal dengan toleran pencacatan bentuk (*deformation*) adalah dalam had yang dibenarkan sebagaimana spesifikasi.



### DON'TS

- Pencacatan ricih yang melebihi had yang dibenarkan ke atas *bearing* getah yang disebabkan rekabentuk/pembinaan yang lemah atau *bearing* yang kurang berkualiti atau tidak memenuhi spesifikasi.



## ACUAN KAYU PADA *BEARING*

### DO'S

- Semua acuan kayu perlu ditanggalkan untuk membolehkan *bearing* berfungsi sepenuhnya.



### DON'TS

- Acuan kayu papan lapis di antara *bearing* dan rasuk tidak ditanggalkan. Ia boleh menjejaskan fungsi asal *bearing* jika tidak ditanggalkan sebagaimana amalan dan prosedur pembinaan yang betul.



## PEMBOJOLAN (*BULDGING*) PADA *BEARING* GETAH

### DO'S

- *Bearing* getah perlu dipastikan tidak berlaku sebarang pembojolan (*bulldging*) yang berlebihan melebihi had yang ditetapkan di dalam spesifikasi pembekal.



### DON'TS

- Pembojolan yang tidak normal (*abnormal buldging*) pada *bearing* getah.



## PENGARATAN *BEARING* POT/ *BEARING* MEKANIKAL

### DO'S

- Pastikan keadaan *bearing* tidak mengalami pengaratan yang boleh menjejaskan fungsi asal *bearing*.



### DON'TS

- Pengaratan yang teruk berlaku ke atas *bearing* yang mungkin disebabkan faktor persekitaran seperti berhampiran laut.





## LOKASI KEDUDUKAN POT BEARING

### DO'S

- Lokasi kedudukan *bearing* perlu dipastikan berada di atas *plint* pada *pier*.



### DON'TS

- Pergerakan atau anjakan (*displacement*) yang berlebihan pada struktur *pier* menyebabkan lokasi *bearing* turut mengalami anjakan yang ketara.



## POSISI KEDUDUKAN ROCKER BEARING

### DO'S

- *Rocker bearing* perlu dipastikan berada di dalam keadaan normal iaitu di atas *plint* tanpa sebarang perubahan posisi yang ketara.



### DON'TS

- *Rocker bearing* mengalami pergerakan putaran mengufuk (*rotation*) disebabkan oleh pergerakan rasuk yang melebihi had rekabentuk yang dibenarkan.



## KERETAKAN BERHAMPIRAN SAMBUNGAN PENGEMBANGAN

### DO'S

- Tiada sebarang keretakan dikesan pada turapan berhampiran *expansion joint* menunjukkan tidak masalah atau kerosakan yang teruk pada struktur *abutmen*.



### DON'TS

- Terdapat keretakan yang teruk pada turapan berhampiran *expansion joint* yang disebabkan oleh kerosakan yang teruk pada struktur *abutmen* ataupun berlaku pemendapan tanah di bawah turapan.



## ARAS TURAPAN SAMBUNGAN PENGEMBANGAN ASFALTIK (*ASPHALTIC JOINT*)


### DO'S

- Sambungan pengembangan dari jenis *Asphaltic plug joint* berada searas / sama aras dengan turapan jalan di antara kedua-dua belah jalan.



### DON'TS

- *Asphaltic plug joint* tidak berada searas dengan turapan jalan berpunca daripada kualiti pembinaan yang teruk dan tidak memuaskan. Ia boleh menjejaskan kelancaran pemanduan dan masalah bunyi.



## PEMASANGAN DAN PEMBINAAN *PARAPET*

### DO'S

- Amalan terbaik bagi pemasangan *railing parapet* adalah di tengah-tengah komponen individu *parapet* bagi memberikan kekuatan pada tambatan *bolt* dan mengelakkan keretakan pada *parapet*.



### DON'TS

- *Railing parapet* yang dipasang pada hujung komponen boleh menyebabkan keretakan dan seterusnya boleh menjejaskan integriti struktur *parapet*.



## KESAN PERLANGGARAN KE ATAS *PARAPET*

### DO'S

- *Parapet* perlu dipastikan berada dalam keadaan baik tanpa sebarang kesan perlanggaran yang boleh menjejaskan keselamatan aliran kenderaan.



### DON'TS

- Kesan perlanggaran kenderaan ke atas *parapet* sehingga menampakkan keluli tetulang. Kedudukan *parapet* juga akan teranjak apabila berlaku perlanggaran yang kuat.



## PECAHAN / PELURUHAN KONKRIT (*SPALLING*)

### DO'S

- Struktur *abutmen* berada dalam keadaan baik tanpa berlaku sebarang pecahan atau peluruhan konkrit (*spalling*).



### DON'TS

- Struktur *abutmen* mengalami pecahan (*spalling*) yang teruk sehingga menampakkan keluli tetulang yang berkarat disebabkan oleh kualiti pembinaan yang teruk seperti saiz penutup konkrit tidak mengikut rekabentuk (+10mm mengikut ukuran ditapak).



## PECAHAN / PELURUHAN KONKRIT (*SPALLING*) – *cond't*

### DO'S

- Struktur *abutmen* tidak mengalami sebarang pecahan / peluruhan konkrit (*spalling*) di bahagian yang dibulatkan pada gambar.



### DON'TS

- Struktur *abutmen* mengalami pecahan / peluruhan konkrit (*spalling*) yang teruk pada lokasi struktur *abutmen* yang sama iaitu di belakang *bearing*.






## PANJANG PAIP ALIRAN AIR (DRAIN PIPE)

### DO'S

- Paip aliran air perlu dipanjangkan sebagaimana lukisan perincian.



### DON'TS

- Panjang paip aliran air tidak mencukupi kerana tidak dibina sebagaimana lukisan perincian menyebabkan kawasan di sekitar paip ditumbuhi lumut. Pembinaan mestilah dilakukan mengikut sebagaimana lukisan.



## KEROSAKAN KEKUNCI RICIH

### DO'S

- Kedudukan *Shear Key* pada *pier head* dan berada di dalam keadaan normal tanpa sebarang kerosakan.



### DON'TS

- Keadaan *Shear key* yang rosak teruk disebabkan oleh kualiti yang rendah dan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan. Pembaikan perlu dilakukan.





## PEMBINAAN STRUKTUR DIAPHRAGM

### DO'S

- *Diaphragm* dibina merintang di antara dua (2) rasuk untuk mengelakkan pergerakan antara rasuk-rasuk tersebut.



### DON'TS

- Bar permulaan (*starter bar*) disediakan tetapi *diaphragm* di antara dua rasuk tidak dibina.



## PANJANG JULUR (*PROTRUDING LENGTH*)

### DO'S

- *Bolt* tambahan (*anchor bolts*) perlu mempunyai panjang terjulur yang mencukupi sebagaimana spesifikasi rekabentuk kerja keluli. Rujuk BS 5950 Part 1:1990.



### DON'TS

- Panjang julur *bolt* tambahan tidak mencukupi disebabkan oleh mutu pembinaan yang lemah dan tidak mengikut spesifikasi rekabentuk.



## HAD KELEGAAN KETINGGIAN JAMBATAN OVERBRIDGE

### DO'S

- Amalan terbaik bagi had kelegaan ketinggian *overbridge* adalah melebihi > 5.3 meter (Rujukan boleh dibuat pada TD27/05).



### DON'TS

- Had kelegaan ketinggian bagi *overbridge* adalah 4.30 meter dan tidak mengikut spesifikasi di dalam TD27/05. Kenderaan yang tinggi tidak dapat melepasi *overbridge*.



## LOKASI PEMASANGAN PAPAN TANDA HAD KETINGGIAN

### DO'S

- Amalan terbaik yang boleh dilakukan adalah memasang papan tanda had ketinggian di tengah-tengah laluan bagi memudahkan pemandu membaca.



### DON'TS

- Papan tanda had ketinggian yang dipasang pada jejantas segaris dengan median jalan. Ia akan menyukarkan pemandu untuk membaca.



## PEMANTUL CAHAYA DAN PAPAN TANDA PEMBAHAGI JALAN

### DO'S

- Pemasangan pemantul cahaya serta papan tanda pembahagi jalan dan jejambat membantu pemandu pada waktu malam untuk pemilihan laluan yang betul.



### DON'TS

- Pemantul cahaya dan papan tanda pembahagi jalan dan jejambat tidak dipasang yang boleh membahayakan kenderaan yang dipandu laju dan dipandu pada waktu malam.



## PERLINDUNGAN PIER TERHADAP HAKISAN

### DO'S

- Struktur tiang sambut (*pier*) perlu dilindungi daripada hakisan dengan menggunakan gabion atau lain-lain kaedah penahan hakisan.



### DON'TS

- Struktur tiang sambut (*pier*) yang dibina berhampiran aliran sungai tanpa sebarang struktur penahan hakisan menyebabkan hakisan berlaku dan boleh menjejaskan integriti tiang sambut tersebut.





## PEMASANGAN TIANG BESI PENGHADANG JALAN (GUARDRAIL)

### DO'S

- Tiang (*post*) bagi *guardrail* dipasang pada jarak kurang dari 1.5 meter untuk panjang julur *guardrail*.



### DON'TS

- Panjang julur *guardrail* tanpa dipasang tiang (*post*). Amalan rekabentuk yang biasa adalah 1.5 meter untuk panjang julur (*cantilevered*). Rujuk Arahan Teknik Jalan 1/85.



## ARAH PEMASANGAN KEKISI JARING (GRATING)

### DO'S

- Pemasangan kekisi jaring (*grating*) seharusnya melintang arah laluan sikal / pejalan kaki bagi mengelakkan tayar motosikal / basikal terpelosok ke dalam jejaring.



### DON'TS

- Pemasangan kekisi jaring (*grating*) yang selari dengan arah laluan sikal perlu dielakkan kerana boleh membahayakan motosikal / basikal yang mungkin akan terperosok ke dalam kekisi jaring dan penunjang hilang kawalan dan kemalangan akan berlaku.





## KERJA KEJURUTERAAN CERUN



## PETA TOPOGRAFI


### DO'S

- Rajah menunjukkan jajaran baru (berwarna kuning) merupakan alternatif yang terbaik. Jajaran boleh **merentasi** kesan runtuh lama. (kawasan batuan syis)
- Penting untuk mengelakkan pembinaan jalan baru dibina di kawasan yang bermasalah.



### DON'TS

- Peta Topografi tidak dirujuk dengan teliti sebelum membuat pemilihan bagi pembinaan jalan.
- Dapat dilihat pembinaan jalan (berwarna merah) adalah **sejajar** dengan kesan tanah runtuh lama.
- Perkara ini perlu dielakkan.



## PEMBINAAN CERUN MELEBIHI ENAM (6) BERM

### DO'S

- Pembinaan terowong, *rock shed*, *viaduct* atau jambatan merupakan salah satu struktur yang dicadangkan bagi mengelakkan pemotongan cerun melebihi 6 *berm*.



### DON'TS


- Pembinaan cerun melebihi 6 *berm* tidak dibenarkan. Ini akan mengganggu keadaan struktur bukit atau gunung yang dipotong.
- Selain itu ianya akan menyukarkan kerja-kerja penyenggaraan.



## TIADA ZON PENAMPAN (BUFFER ZONE)

### DO'S

- Bangunan yang hendak dibina perlulah mengambilkira ruang zon penamparan seperti yang telah digariskan di dalam Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Bukit, Tanah Tinggi dan Kawasan Sekitarnya oleh Kem. Perumahan & Kerj. Tempatan.



### DON'TS

- Bangunan yang dibina sangat berhampiran dengan struktur cerun. (ketiadaan zon penamparan antara bangunan dan kaki cerun)



## PEMOTONGAN CERUN BATUAN

### DO'S

- Pemotongan cerun batuan yang mengikut hasil kajian geologi yang dilaksanakan.



### DON'TS

- Pemotongan cerun batuan perlulah mengambilkira keadaan geologi supaya pemotongan secara bukan *daylighting* dapat dilakukan.
- Keadaan yang dimaksudkan *daylighting* adalah keadaan dimana cerun batuan ini lebih mudah gagal (gelincir) mengikut graviti.



## CASCADE DRAIN SEMPIT

### DO'S

- *Cascade drain* yang cukup lebar boleh digunakan sebagai laluan bagi kerja-kerja penyanggaraan cerun dilaksanakan.



### DON'TS

- Rekabentuk kelebaran *cascade drain* perlu mempertimbangkan aktiviti penyanggaraan cerun.

*Cascade drain* perlu dilebarkan sedikit bagi membenarkan kerja-kerja penyanggaraan cerun dilaksanakan.



## CASCADE DRAIN TUANG INSITU

### DO'S

- *Cascade drain* tuang insitu, tiada masalah penyambungan dan risiko air mengalir keluar dan meresap dalam tanah.



### DON'TS

- *Cascade drain* jenis *Precast* berisiko mempunyai masalah penyambungan dan air meresap masuk ke dalam tanah.





## HAND RAILING

### DO'S

- Rekabentuk *Hand Railing* bersama *cascade drain* adalah perlu untuk memudahkan kerja-kerja penyenggaraan terutamanya pada *cascade drain* di permukaan cerun yang curam dan licin.



### DON'TS

- *Cascade drain* yang dibina terutamanya pada permukaan cerun yang mempunyai darjah kecerunan yang tinggi (*steep*) perlulah direkabentuk dengan mengambil kira kerja-kerja penyenggaraan yang akan dilakukan.



## HORIZONTAL DRAIN

### DO'S

- Pembinaan *horizontal drain* penting dalam memastikan paras air bawah tanah dapat diturunkan dan disalurkan keluar dengan baik.
- Ini bagi memastikan kestabilan cerun tidak terjejas.



### DON'TS

- Ketiadaan *horizontal drain* akan menyebabkan *seepage* berlaku.
- Air dalam tanah tidak disalurkan dengan baik menjejaskan kualiti perparitan dan melemahkan kestabilan cerun yang dibina.



## PERSIAPAN TAPAK

### DO'S

- Permukaan cerun yang telah dibersihkan sebelum kerja-kerja pemotongan dan tambakan dilakukan.



### DON'TS

- Tumbuh-tumbuhan di permukaan cerun hendaklah dibuang terlebih dahulu sebelum pemotongan dan penambakan dibuat.
- Ini perlu bagi memastikan tanah potongan untuk menjadi tanah tambak tidak mengandungi tumbuh-tumbuhan yang boleh menjejaskan kekuatan tanah tambak.



## KERJA PEMADATAN TANAH

### DO'S

- Kerja pemadatan dilakukan dengan memadatkan tanah di setiap lapisan demi lapisan pada setiap peringkat *Berm*.
- Ujian FDT dilaksanakan bagi memastikan pemadatan dilakukan mengikut spesifikasi.



### DON'TS

- Membina cerun dengan menambak tanah tanpa pemadatan yang sempurna pada setiap *Berm*.






## KAEDAH MEMBINA CERUN TAMBAKAN


### DO'S

- Kaedah pembinaan cerun tambakan yang sepatutnya.



### DON'TS

- Kaedah yang tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan yang lazimnya selalu dilakukan oleh kontraktor.
- Tidak mengambilkira *extended zone* dan ini akan melemahkan struktur permukaan cerun.



## TANAH TAMBAK YANG SESUAI

### DO'S

- Penggunaan tanah tambak yang sesuai untuk kawasan yang perlu ditambah.



### DON'TS


- Tanah tambak yang tidak sesuai (tanah yang mengandungi benda asing) untuk kawasan yang perlu ditambah.



## POTONG & ALIH

### DO'S

- Tanah yang dipotong akan diangkut ke bawah untuk ditambak di kaki cerun.
- Kawasan yang akan ditambak akan dibina *benching* bagi menyediakan ruang untuk kerja penambakan dan pemadatan pada setiap aras berm supaya pemadatan dapat dilaksanakan dengan sempurna.



### DON'TS

- Tanah yang dipotong, ditolak ke bawah bagi kerja penambakan di kaki cerun dikhuatiri terdapat tumbuh-tumbuhan atau bongkah batuan yang tidak sesuai untuk penambakan. Kawasan tambakan tidak juga dibina *benching*.



## PENAMBAKAN TANAH

### DO'S

- Kerja penambakan tanah mestilah dilaksanakan di tapak yang kering.



### DON'TS


- Kerja-kerja penambakan dilaksanakan di tapak yang mempunyai air bertakung akan menyebabkan cerun tambakan gagal.



## KESAN DARIPADA HUJAN


### DO'S

- Cerun yang dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan sistem perparitan yang sempurna tidak mudah untuk membenarkan air hujan menyusup ke dalamnya.



### DON'TS

- Pemadatan yang tidak sempurna memudahkan hujan yang turun memenuhi rongga tanah yang tidak dipadatkan mengikut spesifikasi akhirnya melemahkan struktur cerun tersebut.



## PENGHAMPARAN TANAH TAMBAKAN

### DO'S

- Penambakan cerun dilaksanakan dengan penolakan tanah mengikut lapisan tanpa bahan-bahan tidak sesuai.



### DON'TS

- Penambakan cerun dilaksanakan dengan menolak tanah tanpa membuang bahan-bahan tidak sesuai seperti bahan organik, tanah gambut, tunggul kayu dan sebagainya.





## PEMADATAN YANG KURANG SEMPURNA

### DO'S

- Pembinaan longkang yang sempurna di atas tanah yang telah dipadatkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.



### DON'TS

- Pembinaan longkang tidak sempurna. Ini disebabkan pemadatan tanah tidak dilakukan mengikut spesifikasi.
- Tanah terlalu longgar dan berair yang boleh mengakibatkan struktur longkang retak apabila tanah mendap.



## HAKISAN PERMUKAAN TANAH

### DO'S

- Cerun yang belum di tanam rumput dan dibiarkan lama perlu ditutup dengan penutup plastik untuk mengelakkan hakisan permukaan.



### DON'TS

- Cerun yang terbiar lama tidak ditutup dengan penutup plastik mengakibatkan hakisan permukaan.





## PEMILIHAN BAHAN *TOP-SOIL* YANG SESUAI

### DO'S

- Kerja penghamparan tanah dilaksanakan ditapak dengan bahan *Top-Soil* yang sesuai (penuh dengan nutrien) bagi pertumbuhan rumput yang subur.



### DON'TS

- Bahan *Top-Soil* yang digunakan adalah dari bahan yang tidak sesuai. Tumbuhan sukar untuk hidup.



## SISTEM PERPARITAN DAN PENANAMAN RUMPUT

### DO'S

- Cerun yang telah siap dibentuk mengikut lukisan perlulah dengan segera membina sistem perparitan dan penanaman rumput dipermukaannya bagi memastikan air yang mengalir dapat disalurkan dengan segera untuk mengelak daripada hakisan permukaan dan akan mengurangkan kestabilan cerun tersebut.



### DON'TS

- Sistem perparitan dan penanaman rumput yang lambat dibina walaupun cerun telah siap dibina boleh menyebabkan hakisan permukaan cerun.



## PENANAMAN RUMPUT

### DO'S

- Penanaman segera rumput dengan rapat (*close turfing*) di permukaan cerun mengikut spesifikasi pembinaan dapat mengelakkan hakisan.



### DON'TS

- Kelewatan penanaman rumput di permukaan cerun akan menyebabkan berlakunya hakisan.



## KESUBURAN RUMPUT

### DO'S

- Rumput yang telah ditanam perlu dibaja untuk pertumbuhan yang sekata.



### DON'TS

- Tiada sistem pembajaan yang sempurna untuk pertumbuhan rumput yang sekata.



## LUBANG LELEH / ALUR KELUAR (HORIZONTAL DRAIN)

### DO'S

- Lubang leleh/alur keluar dibina panjang sedikit terkeluar dari permukaan cerun sehingga ke tepi longkang bagi memastikan air yang akan mengalir dapat disalurkan dengan baik tanpa terhalang.



### DON'TS


- Lubang leleh/alur keluar yang tidak dibina dengan sempurna menyebabkan kegagalan fungsi menyalurkan air keluar dari struktur cerun dan melemahkan kestabilan cerun.



## LUBANG LELEH / ALUR KELUAR (WEEP HOLE)

### DO'S

- Lapisan *Graded Sand/Gravel* sangat penting bagi memastikan lubang leleh/alur keluar tidak tersumbat.



### DON'TS

- Lubang leleh/alur keluar yang tidak dibina dengan sempurna menyebabkan kegagalan fungsi menyalurkan air keluar.

Tidak kelihatan kesan aliran air pada permukaan struktur. Kemungkinan lubang leleh tidak dapat berfungsi dengan baik.





## SUMP & CASCADE DRAIN

### DO'S

- *Sump* perlu dibina terutamanya di setiap bahagian bawah kaki *Cascade Drain* untuk mengumpulkan air yang dibawa dari longkang-longkang bahagian atas dan disalurkan keluar melalui *Toe Drain* ke kawasan takungan dan saluran air yang telah ditetapkan.



### DON'TS

- *Sump* tidak dibina dengan sempurna menyebabkan air bertakung di kaki cerun. Ini akan melemahkan struktur kaki cerun.



## KECERUNAN LONGKANG

### DO'S

- Kecerunan longkang yang betul dapat memastikan air hujan dapat disalurkan dengan baik.

### DON'TS

- Kecerunan longkang yang tidak betul menyebabkan air bertakung dan tidak mengalir dengan baik.
- Ini akan menyebabkan air melimpah dan menghakis permukaan cerun.



## PERPARITAN SEMENTARA

### DO'S

- Parit Sementara perlu disenggara dengan baik sepanjang projek dilaksanakan.
- Ini bagi memastikan pengaliran air secara berkesan dari tapak bina ke kolam takungan (*silt trap*) supaya air tidak mudah menyusup masuk ke dalam tanah dan melumpuhkan kekuatan kaki cerun.



### DON'TS

- Parit Sementara yang tidak disenggara dengan baik semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan.
- Air akan mudah bertakung dan menyusup masuk ke dalam tanah lalu menyebabkan struktur bawah cerun lemah



## KONKRIT INSITU

### DO'S

- Pembinaan longkang secara *InSitu* di kawasan bercerun mengikut spesifikasi adalah lebih berkualiti, tiada rekahan yang boleh menyebabkan air menyusup masuk ke dalam tanah.



### DON'TS

- Pembinaan longkang jenis *Precast* akan mendatangkan masalah penyusupan air masuk ke dalam tanah jika penyambungan yang tidak sempurna dilakukan dan akan mengakibatkan paras air dalam tanah meningkat jika sambungan setiap unit tidak dilakukan dengan teliti.



## SALIRAN – TAMBAKAN TEPI LONGKANG

### DO'S

- Tepi longkang ditambak dengan kemas dan ditanam rumput untuk mengelakkan hakisan.



### DON'TS

- Tambakan tepi longkang tidak dilaksanakan dengan baik dan menyebabkan hakisan.
- Ini akan menyebabkan air tidak mengalir masuk ke dalam longkang dan akan menyusup ke dalam tanah yang akan menyebabkan hakisan dan melemahkan struktur tanah.



## HAKISAN PADA STRUKTUR LONGKANG

### DO'S

- Pembinaan sistem perparitan yang berkualiti.
- Mengelakkan air menyusup masuk ke dalam tanah.



### DON'TS

- Longkang terhakis kesan daripada kualiti pembinaan yang kurang dari segi kualiti bahan binaan atau kualiti kerja.
- Keadaan ini akan memudahkan air menyusup masuk ke dalam tanah.



## PEMBINAAN TEMBOK GABION

### DO'S

- Pemasangan tembok *Gabion* yang kemas dengan sistem saliran yang baik.



### DON'TS

- Pemasangan tembok *Gabion* yang tidak sempurna kelihatan tidak kemas dan tanah tambak terkeluar daripada permukaan *Gabion* menyebabkan longkang tersekat.



## HORIZONTAL DRAIN

### DO'S

- *Horizontal Drain* tidak tersumbat dan berfungsi dengan baik. (kesan air mengalir pada permukaan *Gunite* menunjukkan *Horizontal Drain* berfungsi dengan baik)



### DON'TS

- *Horizontal Drain* tersumbat dengan tanah dan tidak berfungsi.





## TOE DRAIN

### DO'S

- *Toe drain* yang disenggara dengan sempurna membolehkan saliran berfungsi dengan baik.



### DON'TS

- *Toe drain* yang TIDAK disenggara dengan sempurna. Saliran tersekat dan menyebabkan air bertakung.



## PENYENGGARAAAN PERMUKAAN CERUN

### DO'S

- Penjagaan rumput yang baik di permukaan cerun dapat mengelakkan hakisan dan kelihatan kemas.



### DON'TS

- Rumput di permukaan cerun yang TIDAK disenggara dengan baik boleh menyebabkan hakisan.





## STONE PITCHING

### DO'S

- Struktur *Stone Pitching* yang baik berfungsi melindungi permukaan cerun.



### DON'TS

- Struktur *Stone Pitching* yang gagal perlu disenggara segera supaya berfungsi melindungi permukaan cerun.



## CULVERT

### DO'S

- *Culvert* yang telah disenggara dan tidak tersumbat dapat berfungsi dengan baik.



### DON'TS

- Sampah di *Inlet Culvert* yang **TIDAK** dibersihkan boleh menyebabkan saluran tersumbat.



## ROADSIDE DRAIN

### DO'S

- *Roadside Drain* yang disenggara dengan baik.



### DON'TS

- Kerja penyenggaraan *Roadside Drain* **TIDAK** dilakukan dengan sempurna.

Saliran tersumbat yang akan menyebabkan air bertakung dan melimpah keluar.



## ROADSIDE DRAIN

### DO'S


- Pembinaan *Roadside Drain* secara konkrit tuang insitu mengikut spesifikasi dapat memastikan saluran yang baik dan penyenggaraan yang minima.



### DON'TS

- Rekabentuk *Roadside Drain* secara longkang tanah memerlukan penyenggaraan yang baik bagi mengelakkan penakungan air.





KERJA ELEKTRIK



## LOKASI LURANG (MANHOLE)

### DO'S

- Pemasangan *manhole* di bahu jalan.



### DON'TS

- Kegagalan merancang dan menyelaras di peringkat perancangan / rekabentuk mengakibatkan *manhole* dipasang di tengah jalan.



## PENYAMBUNGAN KABEL BAWAH TANAH

### DO'S

- Menggunakan kit penyambungan kabel bawah tanah yang betul.



### DON'TS

- Penyambungan kabel bawah tanah yang salah.





## AIR INTAKE DAN AIR DISCHARGE SILANCER - BILIK GENSET

## DO'S

- *Air-intake* dan *air-discharge silancer* dipasang pada dinding yang berbeza.
- Bagi memastikan pengudaraan yang baik dan berkesan di dalam bilik *genset*.



## DON'TS

- *Air-intake* dan *air-discharge silancer* di bilik *genset* dipasang pada dinding yang sama.
- Pengudaraan tidak baik, kerana udara sejuk yang masuk akan keluar semula menyebabkan *genset* panas.



## PARAMETER EARTHING - BILIK VOLTAN TINGGI

## DO'S

- Bilik voltan tinggi yang dilengkapi dengan pemasangan *parameter earthing* di sekeliling bilik menggunakan *copper bar* bersaiz 25mm x 6mm.



## DON'TS

- Bilik voltan tinggi tidak dilengkapi dengan pemasangan *parameter earthing*.



PEMASANGAN AKSESORI KABEL *ARMOURED* SATU TERAS

## DO'S

- Kabel ditamatkan pada plat *non-ferros material* bagi mengelakkan *fenomena eddy current*.



## DON'TS

- Pemasangan kabel *armoured* satu teras tidak menggunakan plat bahan *non-ferros material*.



## NOTIS DAN KELENGKAPAN BILIK SUIS

## DO'S

- Bilik suis perlu dipasang notis dan di dalamnya perlu ada kelengkapan seperti dalam Peraturan-peraturan Elektrik 1994.



## DON'TS

- Bilik suis tidak dipasang notis.



## TAP-OFF UNIT SISTEM BUSDUCT

## DO'S

- Pemasangan *tap-off unit* dengan ruang yang mencukupi untuk disenggara dan beroperasi.



## DON'TS

- *Tap-off unit* dipasang pada kedudukan tidak boleh disenggara, tiada perancangan rapi berkaitan saiz bilik *riser*.
- Pemasangan *trunking* tidak boleh dilekapkan terus ke dinding.



## SISTEM BUSDUCT

## DO'S

- Dirancang dengan baik, mengambil kira aspek *maintainability* dan *serviceability*.



## DON'TS

- *Tap-off unit* dipasang di hadapan papan suis, tidak mempertimbangkan aspek keselamatan dan penyenggaraan.



## KABEL SUBMAIN PADA CABLE TRAY

### DO'S

- Kabel dipasang dan diikat di atas *cabl tray* dengan kemas menggunakan *steel band, bolt, nut* dan *washer*.



### DON'TS

- *Cabl tray* tidak dipasang sehingga ke papan suis menyebabkan kabel tergantung.



## KABEL SUBMAIN PADA CABLE TRAY

### DO'S

- Kabel dipasang dan diikat di atas *cabl tray* dengan kemas menggunakan *steel band, bolt, nut* dan *washer*.



### DON'TS

- Kabel diikat menggunakan kabel *tie* jenis plastik.





**CABLE TRAY****DO'S**

- Pemasangan *cabl* tray yang betul.

**DON'TS**

- *Cabl* tray dipasang secara terbalik.

**CABLE TRAY ACCESSORIES****DO'S**

- *Cabl* tray yang menggunakan aksesori dari kilang (*external riser*).

**DON'TS**

- *Cabl* tray yang tidak menggunakan aksesori yang betul.



**FIRE BARRIER****DO'S**

- Ruang bukaan lantai ditutup dengan *fire barrier* dengan ketahanan minima selama 2 jam.

**DON'TS**

- Ruang bukaan lantai tidak ditutup dengan *fire barrier*.

**FIRE BARRIER****DO'S**

- Ruang bukaan dinding ditutup dengan *fire barrier* dengan ketahanan minima selama 2 jam.

**DON'TS**

- Ruang bukaan dinding ditutup tetapi dengan konkrit, bukan *fire barrier*.



## COORDINATED SERVICES

### DO'S

- Saluran air / kumbahan perlu berada di bawah pemasangan conduit / trunking / cable tray atau bersebelahan.



### DON'TS

- Tidak diselaraskan dari peringkat rekabentuk mahupun semasa pembinaan, akibatnya cable tray berada di bawah saluran kumbahan.
- Tidak boleh ada pemasangan paip atau saluran air/kumbahan dalam bilik suis.



## COORDINATED SERVICES

### DO'S

- Koordinasi yang baik menjadikan pemasangan kemas dan mudah untuk disenggara.



### DON'TS

- Tiada koordinasi pemasangan services semasa rekabentuk dan pembinaan.
- Paip pembentungan tidak boleh dipasang di atas pemasangan elektrik.
- Pemasangan sukar disenggara dan merbahaya jika berlaku kebocoran pada paip pembentungan.



## REWIREABLE CONCEALED CONDUIT

### DO'S

- Kerja pemasangan *conduit* yang betul di atas *formwork*, sebelum kerja konkrit dilaksanakan.



### DON'TS

- Aturan kerja pemasangan pendawaian yang salah, dimana kerja pendawaian dilaksanakan sebelum kerja konkrit dibuat.



## PEMASANGAN TRUNKING DAN CONDUIT

### DO'S

- Pendawaian yang menggunakan kaedah *fishbone* yang lebih sistematik dan kemas.



### DON'TS

- Terlalu banyak *conduit* dipasang di satu tempat.





PEMASANGAN *TRUNKING*, CABLE TRAY & CONDUIT

## DO'S

- Pemasangan *trunking* menggunakan kaedah *fishbone* yang sistematik dan kemas – Mengikut amalan kejuruteraan terbaik.



## DON'TS

- Terlalu banyak pemasangan conduit pada satu-satu tempat dan bersilang.

PEMASANGAN *TRUNKING*

## DO'S

- Pemasangan *trunking* dengan bengkokan bersudut 45°.



## DON'TS

- Pemasangan *trunking* dengan bengkokan bersudut 90°.



## PEMASANGAN TRUNKING

## DO'S

- Pemasangan saiz *copper bridge* yang mengikut spesifikasi iaitu 3mm X 25mm.



## DON'TS

- Saiz *Copper bridge* kurang dari 3mm x 25mm – tidak mematuhi spesifikasi.



## PEMASANGAN CONDUIT

## DO'S

- Pemasangan aksesori yang sesuai.



## DON'TS

- Pemasangan *conduit* yang tidak mengikut spesifikasi.



## PEMASANGAN CONDUIT

## DO'S

- Pemasangan *conduit* yang ditap dari *trunking* menggunakan aksesori yang betul.



## DON'TS

- Pemasangan 2 jenis *conduit* GI dan uPVC tidak dibenarkan sama sekali.



## PEMASANGAN CONDUIT

## DO'S

- Pemasangan *conduit* yang betul.



## DON'TS

- Kabel ditanam di dinding tanpa menggunakan *conduit*.



## KONDUIT G.I MUDAH LENTUR

### DO'S

- Pemasangan konduit mudah lentur menggunakan aksesori yang betul.



### DON'TS

- Pemasangan konduit mudah lentur yang tidak dibenarkan.



## KONDUIT MUDAH LENTUR

### DO'S

- Panjang konduit mudah lentur menepati spesifikasi.



### DON'TS

- Konduit mudah lentur melebihi panjang yang ditetapkan dalam spesifikasi L-S1 ( $\leq 400\text{mm}$ ).





PEMASANGAN *TRUNKING* PADA PAPAN SUIS

## DO'S

- *Trunking* dipasang menggunakan *C-channel bracket*.



## DON'TS

- Pemasangan *trunking* lekap terus ke dinding.



## PAPAN SUIS

## DO'S

- Jenis skru penutup panel papan suis yang mematuhi spesifikasi iaitu *chromed type of screws with cylindrical knurled head*.



## DON'TS

- Skru penutup panel papan suis tidak menepati spesifikasi.



## PAPAN SUIS

## DO'S

- Pemasangan papan suis menggunakan *bracket* mewujudkan ruang pengudaraan yang baik.



## DON'TS

- Tiada ruang pengudaraan pada pemasangan papan suis.



## RUBBER GROMET UNTUK KABEL MASUKAN

## DO'S

- *Rubber gromet* dipasang pada bukaan papan suis.



## DON'TS

- Tiada *rubber gromet* dipasang pada bukaan papan suis mengakibatkan kabel luka.



## PEMASANGAN KABEL DALAM PAPAN SUIS


## DO'S

- Pemasangan dalam papan suis diikat dan disusun dengan kemas.



## DON'TS

- Pemasangan kabel tidak disusun dengan kemas.



## TAMATAN KABEL BUMI DI PINTU PAPAN AGIHAN

## DO'S

- Kabel bumi ditamatkan mengikut spesifikasi.



## DON'TS

- Pemasangan kabel bumi yang tidak sempurna antara papan agihan dan pintu papan agihan.



## PENAMATAN KABEL

## DO'S

- Penamatan kabel yang menggunakan *cable lug* dan *coloured cable sleeve*.



## DON'TS

- Penamatan kabel tidak menggunakan *cable lug* dan *coloured cable sleeve*.



## TAMATAN NEUTRAL DALAM PAPAN AGIHAN

## DO'S

- Penamatan satu kabel untuk satu terminal.



## DON'TS

- *Neutral terminal* tidak mencukupi.





## TAMATAN NEUTRAL DALAM PAPAN AGIHAN

## DO'S

- Penamatan kabel neutral yang betul dan dipasang *circuit tagging*.



## DON'TS

- Penamatan kabel neutral yang tidak dibenarkan.



## PEMASANGAN FASTENER DALAM BILIK GENSET

## DO'S

- Pemasangan *fastener* yang betul menggunakan *Spring Isolator*.



## DON'TS

- Digantung menggunakan *fixed screw* yang tidak menyerap gegaran ketika janakuasa beroperasi.



## PEMASANGAN CABLE LUG

## DO'S

- Tamatan kabel yang menggunakan *cabl*e lug.



## DON'TS

- Tamatan kabel yang tidak menggunakan *cabl*e lug.



## PEMASANGAN SOKET ALIR KELUAR – VRV A/C

## DO'S

- Pemasangan jenis *metalclad* SSO diruang siling.



## DON'TS

- Pemasangan jenis *flushed* SSO yang tidak dibenarkan.
- Pemasangan GI konduit mudah lentur yang tidak menggunakan aksesori yang betul.



## LAMPU KELUAR

## DO'S

- Lampu KELUAR yang menggunakan tube *fluorescent*.



## DON'TS

- Lampu KELUAR yang menggunakan mentol *tungsten*.



## JENIS LAMPU KECEMASAN

## DO'S

- Pemasangan lampu kecemasan jenis *recess* yang sesuai dengan jenis siling.



## DON'TS

- Pemasangan lampu kecemasan jenis lekapan siling, tidak sesuai dengan jenis siling gantung.



## PEMASANGAN LAMPU

## DO'S

- Lampu digantung pada *floor slab* menggunakan dawai jenis *galvanised* dengan garis pusat 0.6mm.



## DON'TS

- Lampu tidak digantung pada *floor slab*.



## DOWNLIGHT

## DO'S

- Downlight digantung pada *floor slab* menggunakan dawai jenis *galvanised* dengan garis pusat 0.6mm.



## DON'TS

- Pemasangan lampu jenis *downlight* tidak digantung pada *floor slab*.





## PEMASANGAN KIPAS PELAWAS

### DO'S

- Pemasangan siling ros pada kedudukan yang berhampiran dengan kipas pelawas.



### DON'TS

- Pemasangan kipas pelawas yang tidak menggunakan siling ros.



## PEMASANGAN FACE PLATE


### DO'S

- Pemasangan yang kemas.



### DON'TS

- Kedudukan suis yang tidak sama aras.



## METALCLAD BACK BOX SWITCHED SOCKET OUTLET

### DO'S

- Pemasangan *back box* yang betul.



### DON'TS

- Tiada pemasangan *back box*.



## PEMASANGAN BRASS BUSH

### DO'S

- Pemasangan yang betul.



### DON'TS

- Sambungan antara 2 *back box* tidak menggunakan GI konduit dan 2 bilangan *brass bush*.



## EARTH CHAMBER

### DO'S

- Precast Heavy duty concrete type earth chamber c/w removable concrete cover.



### DON'TS

- Pemasangan Earth chamber jenis PVC.



## PENAMATAN PEMBUMIHAN

### DO'S

- Penyambungan coppertape dan earth electrode menggunakan kaedah exothermic welding.




### DON'TS

- Penggunaan Clamp untuk penyambungan Earthing conductor dan earth electrode.



**MAIN EARTHING BAR (MEB)****DO'S**

- Pemasangan MEB yang dilabel mengikut spesifikasi.

**DON'TS**

- Pemasangan MEB yang tidak dilabel.

**TRUNKING & CABLING****DO'S**

- Kedudukan *trunking* yang sesuai bersama dengan penggunaan *junction box* menjadikan kabel lebih tersusun dan kemas.

**DON'TS**

- *Trunking* berada pada kedudukan yang tidak sesuai menyebabkan tekanan pada kabel.
- Terdapat kabel luka kerana hujung *trunking* yang tajam tidak dilindungi dengan cara yang sesuai.





## TRUNKING

## DO'S

- Aksesori yang betul digunakan pada persimpangan.



## DON'TS

- *Trunking* tidak menggunakan aksesori yang sepatutnya pada persimpangan 90°.



## TRUNKING

## DO'S

- *Trunking* dipasang secara betul menggunakan bracket.
- *Copper bridge* disediakan.



## DON'TS

- *Trunking* yang dilekapkan terus ke dinding. (Tiada *bracket*)
- Tiada *copper bridge* untuk *earth continuity*.



## CONDUITING

### DO'S

- Pemasangan yang kemas dan teratur.



### DON'TS

- Laluan conduit tidak dirancang menyebabkan berlaku perselisihan laluan.
- *Junction box* dihalang oleh conduit lain menyebabkan kerja-kerja menarik kabel kelak akan menjadi susah.



## CONDUITING

### DO'S

- Konduit dan *backbox* berada pada kedudukan yang betul.



### DON'TS

- Kegagalan merancang dan mengkoordinasi menyebabkan *backbox* berada pada kedudukan yang salah.



## CLOSED CIRCUIT TELEVISION, (CCTV)

### DO'S

- Pemasangan yang teratur dan kemas.



### DON'TS


- Tiada perancangan semasa kerja dilaksanakan menyebabkan kabel kuasa ke kamera terdedah dan tidak sesuai.



## WALL-MOUNTED LOUDSPEAKER

### DO'S

- Pemasangan yang kemas dan betul.



### DON'TS

- Pemasangan *loudspeaker point* menggunakan *ceiling rose* menyebabkan pemasangan tidak kemas dan *loudspeaker* tidak dapat dilekapkan sepenuhnya.



**SERVICE BOX****DO'S**

- Penggunaan *service box* yang sesuai dan kemas.

**DON'TS**

- Penggunaan *service box* yang tidak betul dan tidak dirancang.

**UNDERFLOOR OPENING****DO'S**

- Bahagian bawah *telecommunication rack* ditutup rapat.

**DON'TS**

- Bahagian bawah *telecommunication rack* tidak ditutup rapat.





**CABLE TIE****DO'S**

- Menggunakan *Velcro Tie* bagi mengikat kabel UTP secara kemas.

**DON'TS**

- Menggunakan hanya *Cable Tie* untuk mengikat kabel UTP.

**PATCH CORD****DO'S**

- Menggunakan *patch cord* yang hanya jenis *factory terminated*.

**DON'TS**

- Menggunakan *patch cord* yang bukan jenis *factory terminated*.



**UNINTERRUPTIBLE POWER SUPPLY (UPS)****DO'S**

- Meletakkan UPS di dalam *rack* dan disusun secara kemas.

**DON'TS**

- Meletakkan UPS di atas *rack* sahaja.

**TELECOMMUNICATION RACK / TC****DO'S**

- *Telecommunication Rack / TC* kemas dan dilabel sepenuhnya.

**DON'TS**

- *Telecommunication Rack / TC* yang tidak kemas dan tidak dilabel.





**KERJA KEJURUTERAAN JALAN & GEOTEKNIK**

**PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN**  
**- *Warning area***

**DO'S**

- Menyediakan *advance warning area* yang mencukupi disamping papan tanda amaran yang teratur.



**DON'TS**

- Tiada *advance warning area* disediakan.
- Papan tanda amaran yang disediakan tidak teratur.



**PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN**  
**- *Night time delineation***

**DO'S**

- Menyediakan *delineation* yang baik di kawasan pembinaan bagi menambah visibiliti kawasan pembinaan.



**DON'TS**

- Tiada *delineation* disediakan di kawasan pembinaan.





## PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN - Susun atur *road barriers*

### DO'S

- Pemasangan *Plastic NJB Barriers* secara *interlocking* dan teratur.



### DON'TS

- *Plastic NJB Barriers* tidak dipasang secara *interlocking* dan tidak disenggara dengan baik.



## PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN - *Ground supports for guardrails*

### DO'S

- Menyediakan *soil backing* sekurang-kurangnya 600mm supaya *guardrail* dapat berfungsi dengan baik.



### DON'TS

- Pemasangan *guardrail* pada cerun (tiada *soil backing*).



**PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN**  
- *Guardrail positioning*

**DO'S**

- Lokasi pemasangan *guardrail* yang sesuai di mana dapat menyediakan *lateral clearance* yang mencukupi.



**DON'TS**

- Lokasi pemasangan *guardrail* yang tidak sesuai dibelakang lampu jalan.



**PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN**  
- *Road markings*

**DO'S**

- Menyediakan tandaan jalan (*arrow pavement marking*) yang betul dan teratur supaya tiada konflik berlaku.



**DON'TS**

- Tandaan jalan (*arrow pavement marking*) yang menggelirukan dan menyebabkan konflik.



**PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN**  
- *Road markings*

**DO'S**

- Tandaan jalan (*arrow pavement marking*) untuk memaklumkan kepada kenderaan yang ingin membelok ke kanan disediakan.



**DON'TS**

- Tiada tandaan jalan (*arrow pavement marking*) disediakan di lorong sebelah kanan.
- Boleh menyebabkan situasi *trap lane*.



**PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN**  
- *Directional sign at T-Junction*

**DO'S**

- Menyediakan papan tanda destinasi di persimpangan bagi memaklumkan kepada pengguna jalanraya arah destinasi.



**DON'TS**

- Tiada papan tanda destinasi disediakan di persimpangan. Ini boleh menggelirukan pengguna jalanraya.



**PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN**  
**- Footpath's maintenance**

**DO'S**

- Laluan pejalan kaki disenggara dengan baik.



**DON'TS**

- Laluan pejalan kaki tidak disenggara seterusnya tidak dapat digunakan oleh pejalan kaki.



**PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN**  
**- Marking used at signalised pedestrian crossing**

**DO'S**

- Menggunakan tandaan jalan yang betul di lintasan pejalan kaki (tandaan jalan warna kuning adalah untuk lintasan pejalan kaki berlampu isyarat).



**DON'TS**

- Penggunaan tandaan jalan yang tidak betul di lintasan pejalan kaki boleh menyebabkan konflik di antara pejalan kaki dan kenderaan (tandaan jalan warna putih adalah untuk lintasan pejalan kaki tanpa lampu isyarat).





## PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN

### - Connectivity between overhead pedestrian bridge and footpath

#### DO'S

- Penyediaan Laluan Pejalan Kaki yang bersambung dengan jejantas pejalan kaki memudahkan pergerakan pejalan kaki.



#### DON'TS

- Tiada sambungan di antara jejantas pejalan kaki dan laluan pejalan kaki menyebabkan kesukaran kepada pejalan kaki.



## PENGURUSAN TRAFIK KETIKA PEMBINAAN

### - Installation of traffic signal post

#### DO'S

- Memasang tiang lampu isyarat di kedudukan yang sesuai.



#### DON'TS

- Kedudukan tiang lampu isyarat terlalu hampir dengan lorong jalan yang boleh menyebabkan kenderaan melanggar tiang tersebut semasa belok ke kanan.



## SKOP PENYIASATAN TANAH


### DO'S

- Penentuan skop penyiasatan tanah berdasarkan kombinasi pelan lokasi tapak, peta topografi, peta geologi dan gambar udara.
- Lawatan tapak untuk tujuan verifikasi skop penyiasatan tapak yang ditentukan berdasarkan maklumat yang dikumpul.



### DON'TS

- Penentuan skop penyiasatan tanah berdasarkan hanya kepada lukisan jajaran sahaja **TANPA** melakukan lawatan tapak.



## PELAN TAPAK DAN LOKASI SKOP KERJA

### DO'S

- Perekabentuk hendaklah mengemukakan pelan tapak dan lokasi skop kerja dalam bentuk plan survey.
- Key Plan dan simbol bagi skop kerja hendaklah ditunjukkan dengan jelas.



### DON'TS

- Memulakan sebarang kerja tanpa perancangan.
- Perekabentuk mengemukakan lakaran susunatur sahaja.




## SKOP DAN SPESIFIKASI

### DO'S

- Menyediakan skop kerja yang lengkap mengikut standard dan spesifikasi kepada kontraktor S.I. sebelum memulakan kerja.

| Skop Kena-Kena Penyisatan Tapak dan Ujian Makmal                           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |
|----------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. Lubang gered (Rotary Boring) mengikut MS 2038 : 2006 dan MS 1068 : 2005 | <ul style="list-style-type: none"> <li>- 8 nos</li> <li>- Lokasi seperti dalam lakaran</li> <li>- Menjalankan Ujian Perusukan Piawai (SPT) pada setiap 1.5m</li> <li>- Menjalankan ujian Vane Shear mengikut BS 1377 : Part 9 sekiranya kawasan tersebut bertaraf lembut (SPT = 4)</li> <li>- Penamatan dilakukan apabila mencapai 5 kali hentaman (N=50) atau pada kedalaman maksimum 45m (mana yang terdahulu)</li> </ul> |




- Pekerja terlatih menjalankan kerja-kerja di tapak mengikut standard dan spesifikasi yang dibenarkan.
- Standard yang dibenarkan adalah seperti berikut:  
\* MS 2038:2006

### DON'TS

- Skop dan spesifikasi yang tidak lengkap diberikan kepada kontraktor S.I.

|                                                          |  |
|----------------------------------------------------------|--|
| 3. <u>Scope Of Works:</u>                                |  |
| 3.1 Locations of boreholes/tests are shown on Lampiran 1 |  |
| 3.2 Summary of tests:                                    |  |
| ..... 2 ..... boreholes                                  |  |
| ..... 100 kN ..... deep sounding (100kN/200kN)           |  |



- Menjalankan kerja tanpa mengikut standard dan spesifikasi yang dibenarkan. Contohnya seperti *water jetting method* tidak digalakkan untuk digunakan kerana sampel yang diperoleh kurang berkualiti.

### DO'S

### DON'TS

## MESIN / PERALATAN

### DO'S

- Menggunakan alat/mesin yang baik yang mana akan menghasilkan sampel yang lebih berkualiti.



### DON'TS

- Menggunakan peralatan yang rosak / berkarat yang mana boleh menyebabkan sampel tersebut tidak berkualiti.



## PEKERJA MAHIR

### DO'S

- Memastikan pekerja-pekerja terlatih sahaja dilantik untuk menjalankan kerja-kerja di tapak.



### DON'TS

- Menggunakan pekerja yang kurang/tidak mahir bagi menjalankan kerja-kerja di tapak.





## TEKNIK KERJA YANG BETUL

### DO'S

- Memastikan pekerja-pekerja di tapak menjalankan kerja mengikut teknik yang betul.



### DON'TS

- Menjalankan kerja-kerja S.I. mengikut teknik yang salah yang mana mengakibatkan data yang diperolehi tidak tepat.



## TEKNIK MEMBAWA DAN MENYIMPAN SAMPEL

### DO'S

- Membawa dan menyimpan sampel dengan cara yang betul supaya dapat mengekalkan kualiti sampel asal.



### DON'TS

- Penyimpanan sampel untuk ujian makmal terdedah kepada persekitaran yang mana boleh merosakkan sampel.



## PEMILIHAN ALAT UKUR

### DO'S

- Menggunakan peralatan mengukur yang betul untuk mengukur dimensi peralatan penyiasatan tapak.



### DON'TS


- Menggunakan peralatan mengukur yang salah untuk mengukur dimensi peralatan penyiasatan tapak.



## BILANGAN CERUCUK MINIMA BAGI CERUCUK TERPACU


### DO'S

- Menggunakan sekurang-kurangnya 2 bilangan cerucuk dalam satu tetopi cerucuk bagi kes normal dan 3 bilangan cerucuk dalam satu tetopi bagi kes *short pile*.



### DON'TS

- Menggunakan satu bilangan cerucuk di dalam satu tetopi cerucuk bagi jenis cerucuk terpacu (*driven pile*) terutamanya di kawasan berhampiran cerun, tanah lembut atau di kedudukan beban tiang yang tinggi.



## REKABENTUK CERUN

### DO'S

- Mengambil kira kestabilan cerun dan kaedah penstabilan mengikut kesesuaian di tapak dalam rekabentuk.



### DON'TS


- Pemotongan cerun yang tinggi tanpa berdasarkan rekabentuk dan tidak mengambil kira faktor semulajadi dan geologi di tapak.



## DOWNDRAG EFFECT DISEBABKAN OLEH KESAN GESERAN KULIT NEGATIF

### DO'S

- Mengambil kira daya geseran kulit negatif dalam rekabentuk cerucuk di kawasan tanah lembut atau tebus guna (*landfill*).



### DON'TS



- Mengabaikan kesan geseran kulit negatif yang menyebabkan *drag load effect* kepada cerucuk.



## PEMILIHAN JENIS CERUCUK

### DO'S


- Menggunakan hanya satu jenis cerucuk dalam satu tetopi cerucuk/dalam sesuatu binaan.



### DON'TS

- Menggunakan cerucuk berlainan jenis pada kedudukan tiang yang sama.

\* Contohnya: di dalam satu tetopi cerucuk yang sama terdapat dua jenis cerucuk iaitu cerucuk spun dan cerucuk mikro.



## KOMBINASI SISTEM ASAS

### DO'S

- Menggunakan hanya satu sistem asas dalam satu binaan.

### DON'TS

- Menggunakan dua sistem asas yang berlainan dalam satu binaan yang sama. Contohnya: kombinasi asas penapak (*pad footing*) dan cerucuk.



## CERUCUK DI KAWASAN LAPISAN SAND LENSES / BOULDERS

### DO'S

- Menggunakan kaedah *pre-bored* bagi mengatasi masalah penanaman cerucuk di lapisan tanah yang mengandungi *sand lenses* dan *boulders*.



### DON'TS

- Menggunakan cerucuk RC pada lapisan tanah yang mengandungi *sand lenses* dan *boulders*. Kesan : *hard driving*, *false set* dan keadaan *short pile* boleh berlaku.



## ASAS PENAPAK DI KAWASAN TANAH TAMBUN


### DO'S

- Membina asas penapak (*pad footing*) di atas tanah asal atau tanah potong.



### DON'TS


- Membina asas penapak (*pad footing*) di atas tanah tambun.



## ASAS PENAPAK DI KAWASAN CERUN


### DO'S

- Membina asas penapak (*pad footing*) jauh dari cerun pada jarak yang selamat.



### DON'TS

- Membina asas penapak (*pad footing*) berdekatan dengan cerun.



## BAHAN TAMBAKAN (*FILL MATERIAL*)

### DO'S

- Membuang *top soil* atau USM daripada kawasan pembinaan sebelum kerja-kerja penambakkan tanah dijalankan.



### DON'TS

- Menggunakan *top soil* atau *unsuitable material*, USM sebagai bahan tambakan.



## PEMASANGAN LAPISAN GEOSINTETIK

### DO'S

- Menjahit sambungan lapisan geosintetik dengan peralatan yang sesuai.



### DON'TS

- Menggunakan sambungan lapisan geosintetik yang tidak dijahit. Ini akan menyebabkan pencampuran *Unsuitable Material* dengan *Suitable Material* di bahagian sambungan kain geosintetik tidak dijahit.



Lapisan geotekstil tidak dijahit

## PEMASANGAN LAPISAN GEOSINTETIK

### DO'S

- Menghamparkan *backfill material* sebaik sahaja lapisan geosintetik dipasang.



### DON'TS

- Lapisan geosintetik yang dipasang dibiarkan terdedah kepada agen-agen hakisan dan luluhawa. Ini akan menyebabkan kekuatan lapisan geosintetik terjejas.



## PEMASANGAN LAPISAN GEOSINTETIK

### DO'S

- Menghamparkan lapisan geosintetik dengan sekata dan kemas.



### DON'TS

- Menghampar lapisan geosintetik secara tidak sekata dan tidak rata. Ini akan menjejaskan fungsi geosintetik sebagai lapisan menambah kekuatan.



## PEMASANGAN LAPISAN GEOSINTETIK

### DO'S

- Menghampar *suitable materials* bermula dari tengah jalan bagi jalan yang dilindungi lapisan geosintetik. Ini akan membantu menegangkan lapisan geosintetik.



### DON'TS

- Menghampar *suitable materials* bermula dari tepi jalan bagi jalan yang dilindungi lapisan geosintetik. Ini akan mengakibatkan lapisan geosintetik berkedut.





## KERJA TANAH

### DO'S

- Memadat tanah bagi setiap ketebalan lapisan 300mm.
- Membuat ujian di tapak seperti *Compaction Test* dan *Field Density Test* untuk memastikan darjah kepadatan tanah



### DON'TS

- Memadat tanah dengan tidak mengikut spesifikasi (>300 mm/ lapisan) Ini akan memberikan kesan permukaan jalan beralun / tidak rata.



## EXPANDED POLYSTYRENE (EPS)

### DO'S

- Menyusun blok EPS secara bersilang untuk mengelakkan pembentukan sambungan pugak yang berterusan.



### DON'TS

- Menyusun blok EPS dengan tidak teratur yang mana akan menjejaskan fungsi EPS.



## PEMBINAAN CERUN

### DO'S

- Melindungi permukaan cerun yang telah dipotong dengan serta merta menggunakan kaedah bersesuaian seperti *turfing*, *hydroseeding*, *guniting* dan sebagainya.



### DON'TS

- Mendedahkan permukaan cerun potong kepada agen-agen hakisan tanpa mengambil kira langkah-langkah perlindungan cerun. Ini akan menyebabkan hakisan permukaan cerun, *rills*, *gullies* dan kegagalan cerun.



## PEMASANGAN SOIL NAILING

### DO'S

- Memasang *Soil Nail* dengan peralatan/ kelengkapan yang sesuai. Contoh: Mesin gerudi



### DON'TS


- Memasang *Soil Nail* dengan peralatan yang tidak sesuai.
